

## **BAB 3**

### **METODOLOGI**

#### **3.1. Pengenalan**

Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui persepsi guru-guru terhadap fungsi yang dimainkan oleh pengetua masing-masing dalam perkembangan staf di sekolah. Selain itu meninjau adakah faktor-faktor seperti umur kelulusan,bilangan tahun mengajar guru, jantina, dan minat mengajar guru mempengaruhi persepsi mereka terhadap peranan pengetua dalam melaksanakan program perkembangan staf di sekolah. Bab ini dibahagikan berdasarkan :

- a) Kaedah Kajian
- b) Sampel Kajian
- c) Instrumentasi
- d) Analisa Data

#### **3.2. Kaedah Kajian**

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah penyelidikan ‘survey’ atau tinjauan. Tinjauan dilakukan berbentuk soal selidik berstruktur yang direka dan diubahsuai oleh pengkaji sendiri berdasarkan tesis sarjana Sakhiyah Abdul Manaf

(1997), Universiti Malaya ; Peranan Pengetua Dalam Perkembangan Staf Pada Persepsi Guru: Kajian Ke Atas Sekolah-Sekolah Menengah Di Daerah Klang (1996). Pengkaji menjalankan kajian tinjauan ini dengan pergi sendiri berjumpa dengan pihak pengetua sekolah dan mendapat keizinan daripadanya untuk mengedarkan soal selidik kepada para guru. Tempoh satu minggu diberikan kepada para guru untuk menyerahkan kembali kepada pembantu am di pejabat sekolah. Pengkaji akan pergi sendiri bagi mengumpul soal selidik tersebut dari pejabat sekolah berkenaan.

### **3.3. Sampel Kajian**

Kajian ini dilakukan di 2 buah sekolah peringkat Daerah Bachok Kelantan. Sekolah tersebut ialah Sekolah Menengah Bachok(di bawah kerajaan Pusat) dan Sekolah Menengah Agama Amir Indra Petra (di bawah kerajaan Negeri). Soal selidik ditadbirkan ke atas semua guru terlatih . Oleh itu seramai 75 orang guru dari dua buah sekolah berkenaan dijadikan sampel. Secara purata lebih kurang 35 orang guru di pilih sesebuah sekolah. Walau bagaimanapun hanya 55 orang responden yang mengembalikan borang soal selidik. Taburan Responden mengikut umur, jantina, kelulusan,pengalaman mengajar dan minat mengajar di susun seperti jadual berikut.

**Jadual 3.1**

Taburan Responden Mengikut Jantina

<b>Jantina</b>	<b>N</b>	<b>%</b>
Lelaki	37	67.3
Perempuan	18	32.7
<b>Jumlah</b>	<b>55</b>	<b>100</b>

Bilangan responden dapat dilihat pada Jadual 3.1 di atas. Jadual ini menunjukkan bahawa 55 orang guru telah menjawab soalan soalan soal selidik iaitu 37 orang guru lelaki dan 18 guru perempuan.

**Jadual 3.2**

Taburan Responden Mengikut Umur

<b>Umur Guru</b>	<b>N</b>	<b>%</b>
20 – 30	7	12.7
31 – 50	28	50.9
51 – 55	20	36.4
<b>Jumlah</b>	<b>55</b>	<b>100</b>

Jadual 3.2 menggambarkan bahawa sebilangan besar responden adalah dalam lingkungan umur 31 – 50 tahun iaitu seramai 28 orang. Manakala 20 orang adalah berada dalam peringkat umur 51 – 55 tahun, sedangkan 7 orang sahaja yang berumur di peringkat 20 – 30 tahun.

### **Jadual 3.3**

Taburan Responden Mengikut Kelulusan

<b>Kelulusan Guru</b>	<b>N</b>	<b>%</b>
Sijil Perguruan (Rendah & Menengah)	40	72.7
Diploma Pendidikan / B.Ed / Sc. Ed	15	27.3
<b>Jumlah</b>	<b>55</b>	<b>100</b>

Jadual 3.3 menunjukkan bahawa seramai 40 orang guru adalah berkelulusan Sijil Perguruan Rendah dan Sijil Perguruan Menengah. Manakala hanya 15 guru sahaja yang mempunyai Diploma Pendidikan dan Sarjana Muda Pendidikan (B. Ed / Sc. Ed).

**Jadual 3.4**

Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar

<b>Pengalaman</b>	<b>N</b>	<b>%</b>
Kurang 5 tahun	10	18.2
5 hingga 15 tahun	27	49.1
16 hingga lebih 20 tahun	18	32.7
<b>Jumlah</b>	<b>55</b>	<b>100</b>

Jadual 3.4 , menunjukkan seramai 10 orang guru mempunyai pengalaman mengajar kurang 5 tahun, 27 orang guru berpengalaman antara 5 – 15 tahun, sementara seramai 18 orang guru yang berpengalaman di antara 16 – lebih 20 tahun.

**Jadual 3.5**

Taburan Responden Mengikut Minat Mengajar

<b>Minat Mengajar</b>	<b>N</b>	<b>%</b>
Bertambah	37	67.3
Sama Saja	11	20.0
Berkurangan Dan Tidak Tahu	7	12.7
<b>Jumlah</b>	<b>55</b>	<b>100</b>

Jadual 3.5 menunjukkan hanya seramai 37 orang guru telan bertambah minat mengajar berbanding mereka yang berkurangan dan tidak tahu seramai 7 orang sahaja. Para guru yang minat mengajar mereka sama saja iaitu 11 orang.

### 3.4. Instrumentasi

Soalan kaji selidik dalam kajian ini di ubah suai dan dibentuk oleh penyelidik berdasarkan perkembangan staf di sekolah yang diambil daripada tesis sarjana Sakkhiyah Abdul Manaf(1997), Universiti Malaya.Penghususan diberikan kepada aspek peranan pengetua dalam perkembangan staf (guru). Berkenaan persepsi terhadap keperluan perkembangan staf dan peranan dalam melaksanakan program perkembangan staf, kiraan kekerapan dan ranking digunakan berdasarkan skala Likert yang digunakan dalam soal selidik. Sangat Setuju – 4 , Setuju – 3, Tidak Setuju – 2 , Sangat Tidak Setuju – 1.

Satu set soal selidik (lihat lampiran) didalamnya terdapat 2 bahagian A dan B yang mengandungi soalan berjumlah dari 41 soalan digunakan untuk mengumpul data-data berikut :

Bahagian A : Maklumat Latar belakang(item 1 – 7)

- (a) Mengenai guru – jantina, umur, kelulusan, bilangan tahun mengajar.

- (b) Mengenai minat mengajar, Penyertaan dalam program perkembangan staf.

Bahagian B: Persepsi guru mengenai program perkembangan staf, kesesuan sekolah dalam menyediakan program perkembangan staf dan peranan pengetua dalam perkembangan staf (item 1 –34).

- (a) Program perkembangan staf dan kesesuaian sekolah dalam menyediakan program perkembangan staf ( item 1 – 8).

- (c) Peranan pengetua dalam melaksanakan program perkembangan staf ( item 9 - 34)

- mengenalpasti keperluan (item 9 – 13)
- merancang program perkembangan staf ( item 14 –16 )
- melaksanakan program (item 17 –20)
- Membuat penilaian program (item 21 – 26)
- Dalam memberi dorongan kepada guru (item 27– 34).

Para guru diminta menanda maklumat latarbelakang mengenai diri mereka di Bahagian A soalan soal selidik. Setelah itu melihat persepsi guru mengenai perkembangan staf dan persepsi terhadap peranan pengetua dalam melaksanakan program perkembangan staf. Di Bahagian B responden diminta menanda persepsi

diri masing-masing dalam lima tahap skel Likert, seterusnya data-data ini akan dikumpul untuk di analisis bagi menjawab soalan-soalan kajian dengan menggunakan "Statistical Package For Social Sciences"(SPSS).

### **3.5. Analisa Data**

Data – data yang telah dikumpul akan di proses seterusnya akan di analisis dengan menggunakan komputer melalui program SPSS/PC. Bagi menganalisis data, kaedah statistik diskriptif digunakan melalui taburan kekerapan dan peratusan.

Mengenai data responden akan dianalisis yang ada hubungan dengan jantina, umur, kelulusan, bilangan tahun mengajar, kekerapan menyertai program serta minat mengajar dan hubungan dengan persepsi mereka terhadap peranan pengetua dalam melaksanakan program berkenaan, bagi melihat sama ada terdapat hubungan di antara dua pemboleh ubah pengkaji menggunakan ujian chi-square  $\chi^2$  like hord ratio pada signifikan 0.05 (PL 0.05). Somer'd digunakan untuk melihat hubungan di antara dua pemboleh ubah seperti yang dinyatakan di atas.